

Hubungan dua hala diaktif semula

NAIROBI: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengakhiri lawatannya ke Kenya semalam, menyifatkan lawatan rasmi dua harinya ke negara di Afrika Timur itu amat berjaya kerana dapat mengaktifkan semula hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, kerjasama baik dalam bidang perdagangan, pelajaran, pembangunan infrastruktur dan pelancongan dicapai berdasarkan pertemuannya dengan Presiden Kenya, Mwai Kibaki, beberapa menteri dan ahli perniagaan Kenya.

Katanya, apa yang penting bagi kedua-dua negara sekarang ialah melaksanakan semua perkara dipersetujui.

“Kita perlu secara serius mengaktifkan semula Suruhanjaya Bersama Malaysia-Kenya dan apabila saya berbincang dengan Presiden sebentar tadi (semalam), inilah yang saya katakan kepadanya.

“*Kerjasama baik dalam bidang perdagangan, pelajaran, pembangunan infrastruktur dan pelancongan dicapai berdasarkan pertemuan dengan Presiden Kenya, beberapa menteri dan ahli perniagaan Kenya*”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

BH- 20/4/2007
“Kita perlu bergerak cepat, tetapi saya yakin apa juga program yang dipersetujui akan berhasil,” katanya kepada wartawan Malaysia, di sini, semalam.

Sebelum meneruskan lawatan kerja ke Namibia hari ini, Abdullah berkesempatan melawat Maasai Mara, kawasan penghijrahan hidup liar yang terkenal di dunia yang terletak di dataran Serengeti.

Kelmarin, Perdana Menteri dan Kibaki menyaksikan majlis memeterai dua memorandum persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama Saintifik dan Teknologi serta Perancangan dan Pelaksanaan Projek Jalan Raya.

Antara projek jalan raya yang berpotensi diceburi usahawan Malaysia ialah Jalan Voi-Mwate-Taveta sejauh 110 kilometer (km) termasuk membaik pulih yang semuanya bernilai AS\$36 juta (RM126 juta), Jalan Kisumu-Kakamega-Kitale (151km), ber-

nilai AS\$45 juta (RM158 juta) dan Jalan Isiolo-Moyale (136km) bernilai AS\$100 juta (RM350 juta).

Kedua-dua pemimpin juga bersejutu mengenai penubuhan satu suruhanjaya untuk meningkatkan hubungan dua hala.

Abdullah turut memberi taklimat kepada usahawan Kenya mengenai peluang perniagaan di Malaysia pada Forum Perniagaan Malaysia-Kenya.

Mengenai lawatannya ke Maasai Mara semalam, Perdana Menteri berkata, ia atas keputusan Kerajaan Kenya yang mahu beliau melihat sendiri cara mereka menguruskan sebuah safari bertaraf dunia.

“Kita mempunyai ekopelancongan dan mereka pula mempunyai safari. Kita boleh berkongsi pengalaman dan kepakaran terutama berkaitan pelancongan. Lagipun, kita mengusahakan bidang pelancongan. Jadi, baik kita berkongsi (pengetahuan),” katanya.